

Mahathir: Doktor tak dapat terpisah dari kebajikan

U.M. - 9 SEP 1977

KUALA LUMPUR, 8 Sept. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata tidak ada doktor yang dapat memisahkan dirinya dari kepentingan dan kebajikan masyarakatnya.

Katanya, "lebih-lebih lagi dengan pengamal-pengamal perubatan am yang mempunyai hubungan erat dan berterusan dengan keluarga dan masyarakat."

Datuk Sri Dr. Mahathir yang merasmikan persidangan Wilayah Persatuan-Persatuan Pengamal Perubatan Am di sini berharap Persatuan Pengamal Perubatan Malaysia akan menekankan tanggungjawab ini dalam rancangan pendidikan mereka terutama dalam kawasan luar bandar.

Pengawalan am, katanya, adalah bidang yang berkaitan terus dengan



DR. MAHATHIR

kebanyakan orang.

Pada hakikatnya, hubungan kebanyakan orang dengan perkhidmatan perubatan hanyalah melalui pengamal am atau penjagaan awal.

"Untuk ini, kecekapan perkhidmatan di peringkat ini adalah paling mustahak", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau gembira mengetahui bertambahnya kesedaran tentang mustahaknya penjagaan awal di Malaysia dan dengan tertubuhnya Persatuan Pengamal Perubatan Am adalah satu kejayaan dalam kemajuan menjaga kesihatan di negara ini.

Persatuan itu, katanya, telah membuat beberapa cadangan mengenai latihan doktor untuk melengkapkan mereka supaya dapat memberi perkhidmatan yang baik di pusat kesihatan luar bandar yang merupakan kejayaan Malaysia yang membanggakan, dan Jabatan Pesakit Luar di hospital.

Beliau berkata dengan penekanan Kementerian Kesihatan pada masa ini mengenai kesihatan luar bandar, Malaysia dapat berharap kemajuan yang besar di bidang tersebut.